



UiTM@Media **2016**

Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016

Gelaran budak gagap yang pernah dilemparkan kepada Mohd Amin Mohd Yusoff suatu ketika dahulu ternyata tidak mendatangkan kudi buatnya.

Sebaliknya, lelaki itu berusaha keras melawan 'penyakitnya', demi mengejar impiannya untuk bergelar pereka dalaman (ID) berjaya dan disegani.

Siapa sangka, hari ini, ikon berasal dari Ipoh, Perak itu semakin dikenali dan kini memiliki syarikat yang kendalikan reka bentuk hiasan dalaman bangunan komersial dan kediaman sendiri, EA Alam Reka Sdn Bhd (EA Alam Reka).

Mohd Amin, 32, yang juga Pengarah Urusan Kreatif EA Alam Reka berkata, beliau terlibat bidang hiasan dalaman selepas menyedari dirinya berbakat dalam bidang lukisan.

"Apabila melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perak, saya ambil Diploma Reka Bentuk Dalaman. Ketika itu, saya rasa salah pilih kursus kerana bidang ini memerlukan saya banyak bercakap terutama untuk membentangkan hasil kerja.

"Setiap kali berdepan orang ramai, saya langsung tidak boleh bercakap dan terpaksa merujuk perkara ini kepada doktor. Sehingga saya melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda. Pensyarah saya ugut baling kasut bila saya tidak boleh bercakap," katanya.

Walaupun gagap, Mohd Amin pandai melukis dan buat hiasan dalaman. Bakatnya diluahkan menerusi hasil kerjanya ketika membuat kerja sambilan dengan mereka hiasan dalaman untuk sebuah syarikat ID.

"Habis belajar, saya bekerja di syarikat ID di Kota Damansara, Selangor selama enam bulan, tetapi tidak diberi peluang mengembangkan bakat kerana masalah gagap.

"Kemudian, saya berhijrah ke syarikat ID di Setapak, Kuala Lumpur, selama enam bulan. Di sini, saya bertemu senior saya, arwah Emmy Fiza Md Ghazali ketika belajar di UiTM yang menjadi bos saya ketika itu," katanya.

Disebabkan masalah tertentu, Mohd Amin dipelawa arwah Emmy Fiza buka syarikat

hiasan dalaman sendiri pada 2008 iaitu EA Alam Reka dan memulakan operasi pada 2009.

"Arwah Emmy Fiza banyak ajar saya cara bentang reka bentuk dalaman yang sudah dibuat di hadapan orang ramai. Dari situlah, saya mula yakin membuat pembentangan.

"Akhirnya, saya berjaya buat pembentangan ketika mengendalikan projek melibatkan bangunan Parlimen di hadapan orang kenamaan pada 2009," katanya.

Bagaimanapun, Mohd Amin sekali lagi diuji apabila rakan kongsi sakit dan beliau terpaksa kendali sendiri banyak projek ketika itu.

"2010 merupakan zaman kejatuhan saya kerana pada masa itu, EA Alam Reka menerima banyak projek. Disebabkan staf terhad, saya membuat semua kerja seorang diri.

"Kemudian, saya ikuti kursus kewangan kerana tidak mahir kendalikan perniagaan. Selepas itu, barulah saya bangkit semula selepas dapat semangat baharu dan mula menambah kakitangan baru," katanya.

Kini, Mohd Amin mampu menarik nafas lega kerana EA Alam Reka semakin dikenali dan dianugerah tender untuk kendali banyak projek ternama.

Sepanjang jadi pereka hiasan dalaman, Mohd Amin pernah dapat anugerah usahawan cemerlang alumni UiTM Perak.



'Budak gagap' kini pereka hiasan berjaya

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

RAMAI berminat menjadikan rumah atau hartanah sebagai pelaburan untuk disewakan atau dijual semula, namun ada segelintir mereka sukar menjual atau menyewakan kediaman tersebut kerana tidak mempunyai pengetahuan dalam hiasan dalaman.

Kebanyakan masyarakat suka meletakkan kepentingan peribadi dalam hiasan dalaman rumah mereka, membuatkan kediaman itu sukar menambat hati bakal penyewa atau pembeli baharu.

Melihat perkara ini, Pengarah Urusan Kreatif EA Alam Reka Sdn Bhd, Mohd Amin Mohd Yusoff berkongsi tip hiasan dalaman untuk meningkatkan nilai hartanah sebagai pelaburan.

Selepas membeli rumah, apakah yang perlu diambil kira dalam hiasan dalaman rumah?

Sebut sahaja pembeli hartanah atau rumah, kita ada dua golongan iaitu membeli rumah untuk didiami atau dijadikan sebagai pelaburan. Orang yang beli rumah sendiri adalah golongan orang yang hendak menaikkan nilai hidup sendiri supaya lebih baik, contohnya dari rumah flat ke rumah kondominium, dari kondominium jadi rumah teres dan sebagainya.

Golongan pelabur pula akan menggunakan nilai-nilai itu untuk mendapat penyewa atau menjual balik dengan mudah. Di sini, peranan pereka hiasan dalaman (ID) itu bermula. Bayangkan, kalau pada satu masa, 200 pemilik rumah dapat kunci pada hari sama dan mereka hendak mencari penyewa pada hari itu bagaimana mereka hendak bersaing untuk siapa yang dapat rumah dulu?

Kenapa pentingnya khidmat ID?

ID membantu menambah nilai rumah pelanggannya terutamanya bagi golongan pelabur. Biasanya, pelabur hanya mahu mengeluarkan duit sedikit, tetapi menjanjikan pulangan tinggi. Dengan mendapatkan khidmat ID, nilai sewaan hartanah boleh meningkat tujuh hingga 20 peratus. Namun, ia bergantung kepada tempat itu sendiri. Peranan ID adalah menambah nilai hartanah dengan meminimumkan sentuhan rekaan hiasan dalaman.

Apakah elemen untuk menaikkan nilai hartanah?

Dalam ID, ada lima elemen

iaitu siling, dinding, lantai, perabot dan lampu. Bagi siling contohnya, kalau rumah itu kosong sampai 15 kaki panjangnya, tidak perlu buat siling 'zoning' kawasan seperti satu kotak tempat makan atau ruang tamu, kerana ia menyebabkan rumah kelihatan sempit, sebaliknya buat satu jenis reka bentuk untuk meminimumkan. Lagi satu, lazimnya dalam satu ruang rumah baharu, kita ada satu 'point' kipas dan lampu. Kita pakai yang sedia ada kalau hendak meminimumkannya dan jangan tambah lain-lain, sebaliknya,

kita buat separuh saja 'plaster ceiling' dan lampu 'spotlight' yang ada tiga kepala.

Untuk hiasan dinding, banyakkannya main cermin dari jenis 'full hide' (keseluruhan), menjadikan rumah yang kecil kelihatan besar.

Selain itu, elakkan menggunakan kertas dinding bercorak, 'berbunga-bunga', berselerak, tidak



Mohd Amin teliti melihat pelan rekaan hiasan dalaman, untuk pelanggannya.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

bermotif dan tidak berasas, terutama jika mereka berniat menyewakan atau menjual rumah tersebut.

Perlu dipastikan juga, karpet diletak di bawah perabot. Bagi lampu pula, kita kena mengikut konsep pencahayaan di bilik pameran (showroom) atau hotel kerana premis tersebut menggunakan 'warm light' seperti lampu berwarna oren atau kuning untuk mewujudkan persekitaran selesa.

Hiasan dalaman bagaimana yang boleh menaikkan nilai hartanah?

Yang semula jadi. Setiap jenis rumah ada konsep tersendiri, contohnya, rumah banglo stail Inggeris, perlu menggunakan konsep ini sepenuhnya baharulah ia menaikkan nilai hartanah itu. Namun, bagi rumah kondominium dan teres, lebih baik kita memilih konsep semula jadi dan neutral yang boleh diterima semua orang sebab kita tidak tahu siapa bakal penyewa. Rumah itu juga hendaklah seimbang pencahayaannya.

Berapakah kiraan nisbah untuk mengubah suai kediaman?

Biasanya, kiraan nisbah ubahsuai rumah adalah 10 peratus daripada harga rumah. Katakan rumah berharga RM500,000, maka RM50,000 adalah bajet untuk mengubah suai kediaman. Tidak banyak boleh dibuat dengan RM50,000. Bila mereka mengambil khidmat ID untuk mereka bentuk hiasan dalam rumah, mereka boleh merancang sendiri pembelian perabot dan sebagainya.

Berapa purata kadar upah jika menggunakan khidmat ID untuk kediaman?

Biasanya, kita mengikut jumlah peratusan, tetapi ia menjadikan orang pening dan tidak mahu mengambil sentuhan ID. Syarikat kami menawarkan upah RM500 hingga RM1,200 bagi satu ruang kediaman biasa, mengikut terma dan syarat, contohnya, kalau rumah kecil dan mempunyai ruang tamu dan makan sekali, kita kira sekali sahaja. Kalau lebih saiz, kita akan kira dengan harga lain. Untuk rumah kondo, kita ambil satu baris RM500 manakala rumah banglo pula RM1,000 untuk satu ruang.

Dengan harga itu, pelanggan akan mendapat pelan susun atur (seperti kedudukan perabot dan lain-lain), imej perspektif 3D sebagai rujukan dan sesi rundingan. Kami hendak wujudkan kesedaran kepada ramai tentang nilai merancang dulu, sebelum melakukan sesuatu.

ID juga mempunyai persatuan yang menetapkan kadar yuran, tetapi kebanyakannya digunakan untuk projek kerajaan.

Apa masalah yang sering dihadapi pembeli rumah terutama yang hendak menjadikan hartanah sebagai pelaburan?

Masalah yang kerap dihadapi apabila mereka suka meletakkan kepentingan peribadi dalam kediaman yang ingin disewakan atau dijual, seperti cat rumah warna terang, kerana mereka tidak tahu siapa bakal penyewa.

Kedua, orang terlalu kalut membesarkan atau mengubahsuai rumah sebab tidak sedar kediaman mempunyai tempoh waranti, dua tahun. Masalah sekarang, ramai pembeli rumah teres, memecah ruang dapur yang kecil untuk memperbesarkan ruangnya, menyebabkan kehilangan waranti.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH



- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

